



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



ELEMEN TRANSFORMATIF DAN AKULTURASI DIRI DARI  
PENGALAMAN TAHUN PERTAMA PENGAJIAN  
DI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA SEBAGAI WASILAH  
PRESTASI PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR ANTARABANGSA

*TRANSFORMATIVE ELEMENTS AND SELF-ACCULTURATION FROM THE  
EXPERIENCE OF FRESHMAN YEAR AT MALAYSIAN PUBLIC UNIVERSITIES  
AS THE MEDIUM OF INTERNATIONAL STUDENT ACADEMIC ACHIEVEMENT*

Irma Wani Othman<sup>1\*</sup>, Mohd Kamal Mohd Shah<sup>2\*</sup>, Muhammad Safuan Yusoff<sup>3\*</sup>, Mohd. Sohaimi Esa<sup>4</sup>, Romzi Ationg<sup>5</sup>, Habibah @ Artini Ramlie<sup>6</sup>, Muhammad Hasbi Abdul Rahman<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mkamalms@ums.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: safuan\_y@yahoo.com

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mratong@ums.edu.my

<sup>6</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: habibah\_artini@ums.edu.my

<sup>7</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: muhar@fsk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

**Abstrak:**

Aspek akademik memainkan peranan vital sebagai elemen transformatif yang berperanan membawa perubahan ke dalam kehidupan setiap individu. Antara matlamat utama pelajar menyambung pengajian di luar negara ialah bagi

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

**To cite this document:**

Othman, I. W., Shah, M. K. M., Yusoff, M. S., Esa, M. S., Ationg, R., Ramlie, H., & Rahman, M. H. A. (2021). Elemen Transformatif dan Akulturasi Diri dari Pengalaman Tahun Pertama Pengajian di Universiti Awam Malaysia Sebagai Wasilah Prestasi Pencapaian Akademik Pelajar Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (39), 29-55.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.639002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



memperoleh pendidikan berkualiti tinggi. Pengalaman tahun pertama dianggap fasa penting melibatkan asimilasi diri, perubahan emosi, kejutan budaya dan nilai sosial yang mampu mempengaruhi pencapaian akademik pelajar antarabangsa. Perbincangan kertas kerja ini memperincikan faktor yang menyumbang kepada perbezaan pengalaman tahun pertama lebih bermakna dengan membandingkan proses asimilasi diri dan pencapaian akademik pelajar antarabangsa. Pendekatan kaedah kualitatif yang menggunakan teknik persampelan bertujuan telah melibatkan temu bual mendalam ke atas 40 orang pelajar antarabangsa dari empat buah universiti awam Malaysia. Hasil dapatan kajian menjana kefahaman refleksi diri berhubung sifat semula jadi golongan pelajar antarabangsa yang diterjemahkan melalui selektif naratif curahan perasaan, menggambarkan keterangan, keinginan dan pengharapan mereka. Penemuan baru bagi kajian ini mengaitkan elemen transformasi dan asimilasi diri pelajar yang mempunyai kesalinghubungan dengan (i) Reputasi universiti awam Malaysia sebagai sebuah destinasi pengajian berprestij, (ii) Kualiti sistem pendidikan tinggi bersifat lebih komprehensif dan '*versatile*', (iii) Fleksibiliti dan dinamika program akademik yang ditawarkan, (iv) Program pengajian berciri kontemporari dan '*market driven*', dan (v) Nilai tambah penguasaan Bahasa Inggeris sebagai kaedah pembelajaran dan pengajaran. Tuntasnya, perkongsian data empirikal kajian ini diharap berupaya menjadi maklumat berguna kepada pihak pengurusan sumber manusia universiti yang mempunyai kebergantungan tinggi di atas enrolmen pelajar antarabangsa. Usaha ini seiring dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang digubal dengan visi mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah hab kecemerlangan pendidikan tinggi di persada antarabangsa.

**Kata Kunci:**

Asimilasi Diri, Pencapaian Akademik, Pengalaman Tahun Pertama, Pelajar Antarabangsa, Universiti Awam Malaysia

**Abstract:**

The academic aspect plays a vital role as a transformative element in bringing change into the life of each individual. One of the main goals for students to continue their studies abroad is to obtain a high-quality education. The freshman experience is considered an important phase involving self-assimilation, emotional change, cultural shock, and social values that can influence the academic achievement of international students. The discussion of this paper detailing the factors that contribute to a more meaningful freshman year experience is differentiated by comparing the process of self-assimilation and academic achievement of international students. The qualitative approach using the purposive sampling technique has involved in-depth interviews of 40 international students from four Malaysian Public Universities. The findings of the study generate a self-reflective understanding of the nature of international students which is translated through selective narratives of emotional outpouring, describing excitement, desire, and hope. The new findings for this study relate to the elements of transformation and self-assimilation of students who have an interrelationship with (i) The reputation of Malaysian Public Universities as a prestigious study destination, (ii) The quality of the higher education system which is more comprehensive and versatile, (iii) Flexibility and the dynamics of the academic programmes offered, (iv) Contemporary and market-driven study programmes, and (v) The added value of English proficiency as a method of learning and teaching. The sharing of empirical data of this study is expected

to be useful information to the human resource management of the university which has a high dependence on the enrolment of international students. This effort is in line with the National Strategic Plan for Higher Education (PSPTN) which was formulated with the vision of transforming Malaysia into a hub of excellence in higher education on the international stage.

**Keywords:**

Self-assimilation, Academic Achievement, Freshman Experience, International Students, Malaysian Public Universities

## Pendahuluan

Umum menyaksikan landskap Pengajian Tinggi Malaysia berganjak secara drastik seiring dengan usaha proaktif Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) merealisasi tuntutan globalisasi ke atas akses pendidikan tinggi negara (Irma Wani, 2021c). Seyogia dari itu, objektif ke-5 KPTM berpaksikan dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara bagi menarik pelajar-pelajar dari luar negara dan mensasarkan 10% dari populasi pelajar pengajian tinggi datangnya dari enrolmen pelajar antarabangsa di peringkat diploma, ijazah dan lepasan Ijazah (MOHE, 2019). Misi berkenaan sejajar dengan lima teras utama KPTM yang berhasrat mewujudkan secara strategik dan sistematik perancangan pengajian tinggi, memperkasa pengurusan tinggi negara, mempertingkatkan kapasiti, pelibatan dan akses dalam pelbagai bidang pengajian tinggi, memurnikan mutu pengajian tinggi negara mengikut piawai antarabangsa dan memenuhi hasrat dan matlamat dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara (Ahmad dan Buchanan, 2017). Tuntasnya, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang digubal semenjak tahun 2007 dengan visi mentransformasikan pengajian tinggi telah menggalas tanggungjawab membawa Malaysia sebagai sebuah hab kecemerlangan pengajian tinggi di persada antarabangsa.

Usaha memperkasa dasar pengantarabangsaan pengajian tinggi negara menjadi teras strategik pelan berkenaan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2018). Implikasi strategi tersebut meletakkan kedudukan sektor pendidikan ditumpukan sebagai salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2018). Ini sejajar dengan usaha meneruskan kelangsungan teras kedua Misi Nasional dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara selari dengan usaha memupuk minda kelas pertama. Kesalinghubungan tersebut diharap berjaya mencapai matlamat negara bagi (i) mempertingkatkan enrolmen bilangan pelajar antarabangsa, (ii) memperluaskan penawaran program pengajian bersifat komprehensif dan relevan kepada pelajar antarabangsa dan (iii) menjenamakan semula universiti awam dan universiti swasta Malaysia agar beroleh sasaran enrolmen pelajar antarabangsa seramai 250,000 orang pada tahun 2025 (MOHE, 2019).

Jadual 1 memperlihatkan peningkatan enrolmen tahunan pelajar antarabangsa ke universiti awam Malaysia. Pertambahan tersebut memberi indikasi terhadap inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam melancarkan pelbagai usaha bagi merealisasikan dasar pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi Malaysia. Fokus utama negara ialah meletakkan kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bagi Asia Tenggara menjelang tahun 2025.

**Jadual 1: Enrolmen Tahunan Pelajar Antarabangsa di Universiti Awam Malaysia  
(Tahun 2007-2019)**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Pelajar Antarabangsa di Universiti Awam Malaysia</b>
2007	14,324
2008	18,485
2009	22,456
2010	24,214
2011	25,855
2012	26,232
2013	28,830
2014	27,042
2015	26,405
2016	25,824
2017	27,766
2018	30,341
2019	32,404

Sumber: <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/statistik> (Dari Tahun 2007-2019)

Statistik Kementerian Pengajian Tinggi dalam Jadual 1 membuktikan peningkatan kehadiran jumlah pelajar antarabangsa universiti awam Malaysia bermula dari tahun 2007 mengambil jumlah angka pelajar antarabangsa seramai 14,324 orang. Sedari itu kedatangan pelajar antarabangsa di universiti awam Malaysia saban tahun turut memperlihatkan peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa. Bilangan enrolmen tertinggi dicatatkan pada tahun 2013, iaitu seramai 28,830 orang. Walaupun terdapat penurunan kecil, menjadikan angka enrolmen 27,042 orang pada tahun 2014, namun trend peningkatan kekal pada tahap yang membanggakan. Tahun 2019 sekali lagi mencatat angka yang memberangsangkan apabila enrolmen pelajar antarabangsa mencecah kepada 32,404 orang pada tahun (MOHE, 2019). Pertambahan jumlah tersebut memberi implikasi sistem pendidikan tinggi Malaysia berada pada landasan yang betul seiring dengan usaha kerajaan menjadikan institusi pengajian tinggi negara bertaraf antarabangsa.

### **Sorotan Literatur**

Dalam konteks Malaysia sebagai salah sebuah destinasi pengajian tinggi yang diminati oleh pelajar antarabangsa, pelbagai persediaan dirancang secara strategik oleh pihak universiti bagi mempertingkatkan enrolmen golongan tersebut (Irma Wani, 2019c). Antara faktor pemangkin kedatangan pelajar antarabangsa ke sesebuah negara dikaitkan dengan imej dan prestij universiti, kualiti pendidikan dan diversiti penawaran program pengajian, isu keselamatan dalam negeri dan kestabilan politik negara, yuran pengajian mampu biaya terutama bagi pelajar persendirian, multi etniksiti dan kekayaan budaya masyarakat tempatan (Irma Wani, Muhammad Safuan, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi, Mohd Kamal, 2020a). Laporan Bernama (2019) mengupas pernyataan berhubung peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa ke universiti awam Malaysia dan implikasi mobiliti tersebut yang menyumbang secara drastik ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia. Purata perbelanjaan yang dikeluarkan oleh seorang pelajar antarabangsa di Malaysia dianggarkan melebihi RM46 ribu setahun dan menjana jumlah pendapatan negara menghampiri jumlah sebanyak RM7.2 billion (Bernama,

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions 2019). Sistem pendidikan tinggi negara yang berprestij di rantau Asia Tenggara membuktikan Malaysia bersedia memberi komitmen penuh demi mewujudkan pendidikan berkualiti yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa (Berita RTM, 2016). Dasawarsa ini, universiti awam Malaysia mengambil pendekatan proaktif bagi memastikan pelajar antarabangsa berpeluang untuk menempuh pengalaman tahun pertama dengan bermakna, lantas memberi implikasi positif terhadap pencapaian akademik mereka.

Dua bentuk pendekatan diketengahkan melalui sorotan literatur iaitu pertama, mempersempitkan sintesis literatur hasil sumbangan sarjana yang berkaitan dalam kajian asimilasi diri pelajar antarabangsa dan pencapaian prestasi akademik, seperti terkandung dalam Jadual 2. Manakala pendekatan kedua pula lebih terarah kepada perbincangan melibatkan data empirikal hasil kajian, disokong dengan seleksi naratif temu bual bersama pelajar antarabangsa.

**Jadual 2: Impak Positif Asimilasi Diri Pengalaman Tahun Pertama ke atas Pencapaian Akademik dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa**

Sarjana	Sumbangan
Azizah, Hamidah, Roziana Shaari (2011); Irma Wani, Muhammad Safuan, Abu Bakar, Herlina & Hasbullah 2018b)	Kecenderungan pemilihan ke atas destinasi pengajian merujuk kredibiliti, pengalaman dan kepakaran ahli akademik, piawai PdP, reka bentuk sistem kurikulum menepati kehendak semasa serta persekitaran pembelajaran yang kondusif.
Beine, Noël R & Ragot (2011)	Konsep pelajar antarabangsa merangkumi pelbagai definisi dan diklasifikasikan sebagai individu berdiaspora merentasi sempadan negara.
Chen, (2017)	Faktor penolakan keluar dari negara asal dan justifikasi pemilihan berbeza individu.
Chew, Russayani & Eam (2010); Dora <i>et al.</i> (2014); J. McEahern & Yun (2017)	Medium bahasa pengantar sistem pendidikan tinggi berkaitan dengan kecenderungan pelajar memilih destinasi pengajian. Bahasa Inggeris dianggap vital dalam program pengajian yang melibatkan pelajar antarabangsa.
Devi dan Nair (2008); Newsome & Cooper, (2016); Irma Wani, Hasbullah & Norazah (2019a)	Pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa difahami sebagai set kejadian yang mengandungi pergolakan emosi kehidupan baru. Golongan tersebut terdedah kerapuhan emosi akibat tekanan yang berpunca dari kejutan silang budaya dan jurang perbandingan sosial yang luas sehingga memberi kesan terhadap pencapaian akademik.
Gabel, Dolen & Cerdin (2013); Tian & Lowe (2014)	Strategi universiti mempromosi pelajar antarabangsa melibatkan diversiti budaya yang mampu membentuk imej sebuah universiti bertaraf antarabangsa.
Glass & Westmon (2014)	Akademik berfungsi sebagai elemen <i>transformative</i> perubahan ke

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions dalam kehidupan setiap individu**

- Gresham, (2013);  
Arkoudis Baik (2014) Pihak universiti melaksanakan pengambilan mata pelajaran bahasa tempatan sebagai satu pilihan wajib kepada pelajar dari negara luar.
- Hamad & Suzanne (2016) Matlamat belajar ke luar negara bagi memperoleh pendidikan tinggi berkualiti, dan merubah masa depan. Asimilasi diri berkaitan dengan pelarasan sistem akademik di tempat baru.
- Han, Gebbie & Appelbum (2015); Lee (2016);  
Herlina, Irma Wani,  
Norazah, Muhammad  
Safuan, Hasbullah & Rudy  
Adie, (2017) Program akademik bersifat kontemporari dan relevan dengan kebolehpasaran pekerjaan merupakan antara faktor menjadi tarikan minat pelajar antarabangsa memilih sesebuah sistem pendidikan tinggi.
- Harvey (2012) Direktori kepakaran merujuk kepada bidang dan pengalaman pensyarah signifikan dalam pemilihan destinasi pengajian bertaraf antarabangsa.
- Herlina, Irma Wani,  
Norazah, Muhammad  
Safuan, Hasbullah & Rudy  
Adie (2017) Peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa mempunyai perkaitan rapat dengan keterujaan memperoleh pengalaman baru, keinginan mengembara ke tempat menarik serta peluang untuk memanfaatkan kelebihan sistem pendidikan luar negara.
- Herlina, Irma Wani,  
Norazah, Muhammad  
Safuan & Hasbullah  
(2018) Fleksibiliti penilaian kursus dianggap kriteria penting.
- Irma Wani, Mohd Kamal,  
Muhammad Safuan,  
Norazah, Hasbullah &  
Herlina (2017) Kajian berhubung sistem pendidikan berprestij dan program akademik berkualiti. Kepakaran dan minat pensyarah terhadap kursus signifikan dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran.
- Irma Wani, Muhammad  
Safuan, Abu Bakar,  
Herlina & Hasbullah  
(2018b) Pengalaman tahun pertama yang bermakna membolehkan proses asimilasi diri menjadi cepat.
- Irma Wani, Hasbullah &  
Norazah, (2019a) Kepuasan pelajar dipengaruhi oleh kualiti akademik dan kecekapan pentadbiran universiti, keceriaan masyarakat kampus dan diversiti pelajar antarabangsa. Pengalaman tahun pertama di luar negara merupakan suatu fasa peralihan vital di mana ia mampu menentukan tempoh penyesuaian yang bakal dilalui oleh pelajar tersebut.

- Kam (2014) Pelajar antarabangsa kurang menggemari tugasan berkumpulan kelangsungan dari sikap pelajar tempatan, tidak bekerjasama yang menjarakkan jurang pemisah.
- Kim (2015); Gilakjani (2015) Kebolehan berkomunikasi secara baik mempengaruhi keyakinan pelajar melanjutkan pengajian ke luar negara.
- Kuo (2011); Gilakjani (2015); Cao dan Meng (2012) Pelajar antarabangsa lemah aspek penguasaan Bahasa Inggeris dari aspek memahami, mendengar, dan menguasai lisan. Tidak mahir berkomunikasi segi intonasi sebutan, gaya percakapan dan kurang keyakinan.
- Lewis, (2016), James-McEacherdan Yun, 2017) Pentakrifan mobiliti pelajar antarabangsa merujuk inisiatif inividu keluar dari sistem pendidikan negara asal ke negara luar sepanjang tempoh pengajian.
- Liew (2012); Dora *et al.*, (2014); Herlina, Irma Wani, Norazah, Muhammad Safuan & Hasbullah (2018) Pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian yang diminati dikaitkan dengan pengiktirafan antarabangsa terhadap program pengajian menepati industri pekerjaan dan kehendak majikan.
- Liew (2012); Herlina, Irma Wani, Norazah, Muhammad Safuan & Hasbullah (2018) Program “attachment” industri luar, latihan industri (*industrial training*) dan program praktikal (*hands-on programmes*) mempunyai nilai tambah (*value added*).
- Liew (2012); Yan, (2017) Kaedah pengkuliahan tidak menggunakan medium Bahasa Inggeris menjadi sebab pelajar antarabangsa terpinggir secara sosial.
- Maringe (2006); McInnis, James dan Hartley (2012) Kemudahan infrastruktur digital menjadi strategi pemasaran universiti memberi informasi lengkap dan terkini berkenaan kelebihan universiti luar negara.
- Mazzarol dan Soutar (2002) Faktor tarikan difahami sebagai faktor luaran seperti pengetahuan latar belakang negara tuan rumah, sokongan ibu bapa, rakan rapat, cadangan ejen, reputasi universiti, kos pengajian mampu biaya, sistem pembelajaran komprehensif dan kondusif, lokasi geografi strategik, kemudahan prasarana dan saringan sosial.
- Mazzarol dan Soutar (2002) Faktor tolakan difahami sebagai faktor dalaman negara asal yang menyumbang keputusan pelajar belajar luar negara. Ini termasuk program yang ditawarkan universiti luar negara lebih berkualiti dari negara asal, kekangan memperoleh tempat belajar di universiti negara asal, minat untuk mengembala budaya negara

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
luar, kepelbagaian program pengajian ditawarkan di luar negara dan keterujaan memperoleh pengalaman di negara orang.

Nilsson dan Rimpster (2016)	Kepentingan program pengajian dan silibus yang relevan dengan prospektif kerjaya.
Noel, Lez dan Saluri (2012); Glass dan Westmont (2014)	Kecenderungan pelajar antarabangsa memilih program di man silibus pembelajaran terkini, praktikal, komprehensif dan ' <i>market driven</i> '.
Singh, Jack dan Schapper, (2014)	Kepuasan pelajar dikaitkan dengan aspek pengurusan kursus, direktori staf akademik, kemudahan perpustakaan, kolej kediaman, fasiliti kesihatan dan perkhidmatan pejabat hal ehwal antarabangsa.
Yan, (2017)	Kealpaan segelintir pensyarah kurang prihatin penguasaan Bahasa Inggeris menyebabkan keciciran dalam kuliah.
Zhang Mi (2014), Falcone, (2017) dan Herlina, Irma Wani, Norazah, Muhammad Safuan, Hasbullah & Rudy Adie (2017)	Masalah penguasaan Bahasa Inggeris mengundang masalah dalam proses pembelajaran dan memberi tekanan ke atas pencapaian prestasi akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Dengan merujuk Jadual 2, penulis melakukan kesalinghubungan sorotan literatur dengan perbincangan hasil daptan kajian berhubung pengalaman tahun pertama asimilasi diri pelajar antarabangsa di universiti awam Malaysia serta implikasi tersebut ke atas pencapaian akademik mereka.

### Metodologi Penyelidikan

Pendekatan penyelidikan secara kualitatif menjadi pilihan kajian ini yang memberi fokus menerokai impak positif asimilasi diri komuniti pelajar antarabangsa dengan kelangsungan pengalaman tahun pertama berada di luar negara. Justifikasi pemilihan empat buah universiti awam yang menggunakan pendekatan kaedah *pseudonym* dinamakan secara pernomboran iaitu Universiti I, Universiti II, Universiti III dan Universiti IV. Pengkategorian berkenaan adalah mengikut status universiti awam, latar belakang sejarah pembentukan universiti, bilangan enrolmen pelajar antarabangsa tahunan dan usaha proaktif dasar pengantarabangsaan yang dilaksanakan oleh universiti masing-masing. Pengekalan kerahsiaan turut melindungi identiti pelajar antarabangsa yang terlibat secara suka rela sebagai informan kajian.

Pemilihan kajian kes merupakan satu reka bentuk kajian bertujuan mengenal pasti secara intensif latar belakang sesuatu perkara yang berlaku berdasarkan interaksi persekitaran suatu unit sosial, sama ada melibatkan individu perseorangan, berkumpulan, institusi atau komuniti (Simons, 2009; Thomas, 2011). Seramai 40 pelajar antarabangsa berjaya ditemui bual

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** menggunakan satu set soalan berbentuk semi-struktur. Protokol soalan temu bual tersebut telah dirangka, diimplementasikan dan diuji dalam kajian rintis di sebuah universiti awam yang tidak termasuk dalam senarai empat IPT kajian (Seidman, 2006).

Penggunaan kaedah temu bual semi struktur telah terbukti berkesan kepada pengkaji kerana pengkaji mempunyai kebebasan untuk menemu bual secara lebih mendalam tanpa terikat sepenuhnya dengan soalan temu bual yang dibangunkan (Creswell, 2013; Flick, 2014). Ini membawa kepada penerokaan jawapan yang lebih mendalam berhubung dengan persoalan yang dijawab oleh responden kajian. Dari hasil temu bual, data yang direkodkan melalui pita rakaman suara dialih ke dalam bentuk kandungan teks dengan cara mengtranskrip rakaman tersebut dan seterusnya dianalisis melalui proses pengekodan bagi mendapatkan tema-tema utama (Creswell, 2013; Eriksson & Kovalainen, 2016; Babbie, 2017).

Profil demografi informan kajian ini seperti tersenarai dalam Jadual 3 yang mengandungi tiga variabel utama iaitu gender, usia dan status perkahwinan iaitu sama ada bujang ataupun berkahwin. Seramai 40 orang responden terlibat dalam kajian ini, 28 orang merupakan lelaki iaitu sebanyak 70.0 peratus. Manakala selebihnya iaitu 12 orang adalah perempuan iaitu bersamaan 30.0 peratus. Majoriti daripada informan kajian tergolong dalam lingkungan usia di antara 20 sehingga 21 tahun, iaitu seramai 16 orang yang mencatat peratusan sebanyak 40.0 peratus. Seterusnya informan kajian yang berusia 22 sehingga 23 tahun telah mencatatkan seramai 10 orang serta membawa kepada peratusan sebanyak 25.0 peratus. Apabila melihat kepada informan kajian yang berusia 19 sehingga 20 tahun, golongan tersebut mencatatkan seramai 8 orang, bersamaan 20 peratus. Lingkungan informan kajian yang berusia 17 sehingga 18 tahun pula adalah 6 orang, iaitu bersamaan 15.0 peratus. Majoriti informan terdiri mereka berstatus bujang iaitu sebanyak 36 orang, mencakupi 90 peratus dari jumlah penyertaan informan kajian. Merujuk kepada baki adalah sebanyak 4 orang yang berstatus berkahwin iaitu seramai 10 peratus. Kesemua informan kajian merupakan pelajar tahun pertama dalam bidang pengajian Ijazah Sarjana Muda yang berdaftar sepenuh masa di empat universiti awam Malaysia.

**Jadual 3: Profil Demografi Informan Kajian**

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	28	70.0
Perempuan	12	30.0
<i>Umur (Tahun)</i>		
17-18		
19-20	6	15.0
21-22	8	20.0
23	16	40.0
	10	25.0
<i>Status</i>		
Bujang	36	90.0
Berkahwin	4	10.0

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
**Perbincangan Hasil Penyelidikan**

Berdasarkan perbincangan berhubung pengaruh asimilasi diri pengalaman tahun pertama dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa, lima sub tema dikenal pasti iaitu (i) Sistem pendidikan universiti awam Malaysia sebagai sebuah destinasi pengajian berprestij, (ii) Kualiti perkhidmatan pendidikan universiti awam Malaysia lebih komprehensif dan ‘versatile’, (iii) Fleksibiliti dan dinamika program pengajian universiti awam Malaysia, (iv) Pembangunan kursus dan penawaran program pengajian bersifat kontemporari dan ‘market driven’ serta (v) Manfaat nilai tambah penggunaan Bahasa Inggeris sebagai medium pembelajaran dan pengajaran di universiti awam Malaysia

***Sistem Pendidikan Universiti Awam Malaysia sebagai Sebuah Destinasi Pengajian Berprestij***

Berdasarkan maklum balas berhubung asimilasi diri yang dikaitkan dengan pencapaian akademik, 19 dari 40 orang pelajar antarabangsa menyentuh secara khusus kelebihan dan kekurangan sistem pendidikan di universiti awam Malaysia. Refleksi berhubung proses asimilasi diri ketika menempuh pengalaman tahun pertama dikatakan lebih cenderung kepada reaksi positif yang memfokuskan terhadap kelebihan sistem pendidikan universiti awam Malaysia.

**Jadual 4: Asimilasi Diri Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Sistem Pendidikan Universiti Awam Malaysia sebagai Sebuah Destinasi Pengajian Berprestij**

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar 1	Pelajar 12	Pelajar 18	Pelajar 28
Pelajar 5	Pelajar 13	Pelajar 19	Pelajar 29
Pelajar 6	Pelajar 16	Pelajar 20	Pelajar 32
Pelajar 8	Pelajar 17	Pelajar 21	Pelajar 37
Pelajar 10		Pelajar 23	Pelajar 40

Merujuk pernyataan yang dikeluarkan oleh Pelajar Antarabangsa 13 dan Pelajar Antarabangsa 21, pengalaman tahun pertama berada di universiti adalah pada tahap memuaskan. Kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam kelas diatur dengan sistematik mengikut sistem semester dan penawaran program pengajian adalah mudah difahami (Azizah, Hamidah & Roziana Shaari, 2011; Liew, 2012; Harvey, 2012; McInnis, James & Hartley, 2012; Noel, Levitz & Saluri, 2012; Herlina *et al.*, 2017; Irma Wani, Muhammad Safuan, Siti Aidah, Romzi, Abang Mohd Razif & Mohd Kamal, 2020b; Irma Wani, Mohd Kamal, Muhammad Safuan & Anna Lynn, 2021a). Ini disokong dengan pemahaman Pelajar Antarabangsa 13 dan Pelajar Antarabangsa 21 yang mengaitkan pengalaman belajar di universiti awam Malaysia telah berjaya mengubah persepsi negatif berhubung kekurangan dan kelemahan belajar di luar negara akibat proses asimilasi yang sukar. Secara peribadi, pelajar 13 dan 21 bersetuju bahawa amalan sistem pembelajaran dan pengajaran universiti awam Malaysia memenuhi keseimbangan ilmu teori dan praktikal dan kesalinghubungan dengan pembangunan sahsiah diri pelajar.

Pelajar Antarabangsa 21 memperincikan penerangan dengan mengaitkan amalan berkomunikasi menggunakan Bahasa Inggeris sepanjang masa sewaktu berada di kampus dan di luar masa kuliah. Pernyataan di bawah memperlihatkan kesungguhannya:

*“Satu perkara yang boleh saya katakan tentang belajar di sini adalah saya bangga menjadi pelajar di salah sebuah universiti yang berprestij dan berimej baik di Asia Tenggara. Saya mempunyai kakak dan abang yang belajar di beberapa universiti di negara luar. Saya selalu melawat mereka. Secara perbandingan saya dapati universiti awam Malaysia mempunyai infrastruktur yang lengkap serta kampus yang cantik. Begitu juga dengan kredibiliti universiti dalam menawarkan program yang komprehensif. Saya dimaklumkan siswazah yang lulus dari universiti ini juga memperoleh pekerjaan sejurus tamat pengajian. Oleh itu, saya harap saya dapat belajar dengan baik di sini dan mendapat keputusan cemerlang untuk masa depan yang baik.” (Pelajar Antarabangsa 13)*

*“Kriteria utama yang saya letakkan semasa membuat keputusan memilih IPT Malaysia sebagai destinasi melanjutkan pengajian adalah disebabkan oleh Bahasa Inggeris yang digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Saya merasa selesa apabila mendapati bahawa jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di universiti awam negara ini juga berada dalam jumlah yang besar. Ini menandakan pelajar luar negara bertumpu datang ke Malaysia disebabkan oleh reputasi universiti di sini. Malahan saya telah membuat sedikit kajian berhubung dengan staff akademik yang mempunyai bilangan pensyarah yang diambil dari luar negara. Semua itu membina keyakinan saya untuk datang belajar ke sini. Saya yakin dengan belajar di universiti yang mempunyai persekitaran yang kondusif dan tenaga pengajar yang baik memangkin saya belajar bersungguh-sungguh.” (Pelajar Antarabangsa 21)*

Pengalaman yang bermakna semasa berada dalam tahun pertama pengajian berupaya untuk membentuk perkembangan dan penentu kepada pencapaian prestasi akademik pelajar (Irma Wani *et al.*, 2018b; 2020). Kajian Mazzarol & Soutar (2002) merungkai tiga elemen vital berhubung mobiliti golongan pelajar antarabangsa iaitu (i) kedudukan geografi destinasi pengajian, (ii) akreditasi program pengajian, dan (iii) kredibiliti, reputasi dan imej universiti. Himpunan kriteria berkenaan diperhalusi oleh bakal pelajar antarabangsa sebelum membuat keputusan akhir. Pelajar Antarabangsa 13 yakin elemen kualiti pengajaran, reka bentuk kurikulum yang relevan dan direktori pensyarah yang berkepakaran serta berpengalaman mampu memenuhi justifikasi pemilihan seseorang pelajar (Azizah, Hamidah & Roziana, 2011; Herlina *et al.*, 2017; Irma Wani *et al.*, 2020b).

Manfaat melanjutkan pengajian ke luar negara turut diutarakan beberapa orang informan kajian. Kelebihan seperti dapat membina jaringan sosial melalui hubungan baru bersama komuniti kampus dan masyarakat setempat (Gresham, 2013; Lee dan Ciftci, 2014; Arkoudis dan Baik, 2014; Hamad dan Suzanne, 2016; Irma Wani, Herlina, Abu Bakar, Muhammad Safuan & Hasbullah, 2018a; Irma Wani, Muhammad Safuan, Mohd Kamal, Romzi, Mohd Sohaimi & Halina Sandera, 2021b). Sifat optimistik Pelajar Antarabangsa 5 berhubung masyarakat majmuk yang bersifat terbuka, mudah didekati telah memberi ruang pelajar antarabangsa menjalankan hubungan persahabatan. Perluasan jaringan sosial tersebut memberi impak tinggi ke atas golongan pelajar baru memangkinkan proses akomodasi terhadap persekitaran asing (Gresham, 2013; Arkoudis dan Baik, 2014; Lewis, 2016; Lee,

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions 2017; Irma Wani *et al.*, 2020a). Petikan dialog di bawah mengaitkan konteks perluasan jaringan sosial seperti yang dimaksudkan di atas:

*“Dari hari pertama saya berada di sini saya didedahkan dengan penerimaan terbuka dari semua peringkat sama ada pengurusan universiti, pelajar tempatan dan juga komuniti setempat. Saya rasa itu (pengalaman baik) menyumbang kepada proses asimilasi yang cepat. Saya ditempatkan di kolej kediaman di mana rakan sebilik saya merupakan pelajar tempatan. Dia banyak membantu saya dalam membiasakan diri dengan persekitaran baru. Malahan saya juga sering mengikuti rakan sebilik untuk belajar di perpustakaan universiti. Secara tidak langsung jaringan sosial saya meluas dengan berkawan dengan pelajar tempatan lain. Apabila anda mempunyai rakan-rakan dari pelbagai latar belakang, pengalaman tersebut memberi kelebihan yang sangat banyak terutama dari konteks pembelajaran yang berkesan.”* (Pelajar Antarabangsa 5)

Namun begitu, dalam nada yang berbeza, masih terdapat segelintir pelajar berhadapan dengan masalah yang dikaitkan dengan proses asimilasi diri (Sawir, 2014; Thomas dan Sumathi, 2016; Tran dan Vu, 2016; O’Malley, 2017; Li dan Zizzi, 2018; Irma Wani, Muhammad Safuan, Syamsul Azizul, Saifulazry, Habibah, Mohd Kamal, 2020c). Antara dilema kesukaran mengasimilasikan diri adalah berpuncu dari kelemahan menguasai Bahasa Inggeris sebagai bahasa universal, dan tidak langsung berusaha untuk mempelajari Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara ini (Kuo, 2011; Zhang dan Mi, 2014; Gilakjani, 2015; Martirosyan, Hwang dan Wanjohi, 2015; Hasbullah, Irma Wani, Norazah, Muhammad Safuan, Herlina & Rudy Adie, 2017; Herlina *et al.*, 2017; Irma Wani *et al.*, 2020b; 2021a).

Menurut Pelajar Antarabangsa 40, keadaan bertambah sulit apabila terdapat insiden di mana ahli akademik yang tidak menggunakan sepenuhnya Bahasa Inggeris dalam perkuliahan yang melibatkan pelajar antarabangsa. Senario tersebut merupakan satu isu utama yang perlu ditangani kerana ianya melibatkan pelajar antarabangsa. Petikan temu bual di bawah membuktikan keresahan pelajar yang berhadapan dengan dilema bahasa:

*“Saya telah membuat laporan beberapa kali kepada pihak pengurusan fakulti, namun sehingga sekarang tiada apa-apa tindakan dilakukan. Isu berhubung pensyarah yang mengajar dalam Bahasa Melayu. Saya difahamkan apabila pelajar antarabangsa mendaftar dalam kursus tertentu maka pensyarah wajib mengajar menggunakan medium Bahasa Inggeris. Saya tidak pasti mengapa pensyarah tersebut tidak menghiraukan arahan mengajar dalam Bahasa Inggeris secara sepenuhnya. Kami selalu tidak faham dan terpaksa bertanyakan kepada pelajar tempatan. Malangnya bukan semua pelajar tempatan mahu bekerja sama. Saya juga mengalami kejadian di mana pelajar tempatan tidak mahu mengambil saya dalam tugas berkumpulan. Ini mengakibatkan saya rasa terpinggir. Saya rasa penerimaan negatif tersebut sedikit sebanyak mengganggu emosi saya dan mempengaruhi prestasi pembelajaran saya dan seterusnya memberi impak negatif pada keputusan peperiksaan saya. Saya sangat berharap perkara ini dapat diselesaikan agar saya mudah mengikuti kuliah dan lebih berkeyakinan diri”.* (Pelajar Antarabangsa 40)

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
 Senario di atas memperlihatkan situasi apabila Bahasa Malaysia dijadikan medium berkomunikasi dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang bakal mengundang pelbagai masalah ketidakfahaman. Memikul tanggungjawab untuk memahami bahasa ibunda negara tuan rumah memberi cabaran tambahan selain daripada terpaksa meningkatkan keupayaan Bahasa Inggeris sebagai medium bahasa wajib. Signifikasi asimilasi budaya dianggap isu vital apabila situasi tersebut memberi kesan terhadap prestasi dan pencapaian akademik pelajar antarabangsa (Othman, Ationg, Esa, Hajimin & Muis 2021b).

Umum sedar isu berhubung penguasaan lemah Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tempatan turut dikaitkan dengan persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif. Ini berlaku apabila ketidakfasihan pelajar antarabangsa berkomunikasi dengan lancar dan digandingkan bersama kekurangan pelajar tempatan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris telah meletakkan isu bahasa semakin kritikal (Zhang dan Mi, 2014; O’Malley, 2017; Hasbullah *et al.*, 2017; Herlina *et al.*, 2017; Irma Wani *et al.*, 2020b; 2021a).

### **Kualiti Perkhidmatan Pendidikan Universiti Awam Malaysia Bersifat Komprehensif dan Versatile**

Merujuk Jadual 5 terdapat 27 dari 40 orang pelajar antarabangsa dalam kajian ini bersetuju bahawa perbezaan sistem pendidikan Malaysia dan negara asal menjadi justifikasi pemilihan destinasi pengajian. Tiga aspek diketengahkan iaitu (i) kualiti akademik, (ii) medium bahasa pengantar dan (iii) sistem pendidikan tinggi.

**Jadual 5: Asimilasi Diri Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Kualiti Perkhidmatan Pendidikan Universiti Awam Malaysia Lebih Komprehensif dan Versatile**

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar 2	Pelajar 11	Pelajar 18	Pelajar 26
Pelajar 3	Pelajar 14	Pelajar 19	Pelajar 28
Pelajar 4	Pelajar 15	Pelajar 20	Pelajar 30
Pelajar 5	Pelajar 16	Pelajar 22	Pelajar 31
Pelajar 6	Pelajar 17	Pelajar 24	Pelajar 33
Pelajar 7		Pelajar 25	Pelajar 35
Pelajar 8			Pelajar 39
Pelajar 9			Pelajar 40

Menerusi respon yang disampaikan oleh Pelajar Antarabangsa 6 dan Pelajar Antarabangsa 15, perbandingan antara sistem pengajian negara tuan rumah dan negara asal dilakukan dari awal proses penerokaan destinasi pengajian. Antara terperincian yang dilakukan oleh pelajar melibatkan tempoh pengajian, jenis program akademik, penilaian kursus peperiksaan, serta.

*“Sistem pengajian di negara ini memberikan banyak pilihan yang lebih bersifat komprehensif berbanding dengan negara asal saya. Ramai dari rakan-rakan saya yang sudah pun melanjutkan pengajian di sini mendapat pekerjaan sejurus sahaja pulang ke tanah air. Saya rasa program yang ditawarkan relevan dengan pasaran pekerjaan sekarang. Kebolehpasaran graduan dari universiti ini juga dibuktikan oleh statistik dari alumni graduan universiti yang saya kira sangat memberangsangkan. Saya dapati banyak kursus yang ditawarkan di sini*

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
*tidak ada di universiti lain. Sebagai contoh program pengajian yang saya ikuti adalah Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) yang lebih bersifat ‘market oriented’ dan mempunyai permintaan tinggi dari industri penerbangan.” (Pelajar Antarabangsa 6)*

*“Apa yang saya tahu sistem universiti awam Malaysia mempunyai tiga kategori iaitu universiti penyelidikan, universiti komprehensif dan universiti berfokus. Memandangkan saya berminat untuk menjadi seorang jurutera profesional dalam kejuruteraan ketenteraan maka saya memilih universiti berfokus yang ada di negara ini sebagai destinasi melanjutkan pengajian. Saya merasakan pengkhususan universiti awam di Malaysia memberi kelebihan kepada pelajar antarabangsa untuk memilih program pengajian yang paling hampir dengan minat dan cita-cita mereka.” (Pelajar Antarabangsa 15)*

Pandangan yang dikeluarkan oleh Pelajar Antarabangsa 6 dan Pelajar Antarabangsa 15, mempunyai persamaan dengan kajian Othman, Esa, Ationg, Ibrahim, Lukin & Hamid, (2021) di mana perkhidmatan pendidikan dinilai dari aspek kaedah PdP, penilaian kursus pengajian, piawaian peperiksaan dan direktori staf akademik. Elemen-elemen tersebut merupakan perbandingan yang dikaji ke atas sistem pendidikan sesebuah negara. Tuntutan seiring dengan era globalisasi menuntut sektor pendidikan tinggi memperbaiki kualiti perkhidmatan pendidikan yang ditawarkan (Aldamer dan Gulcan, 2004; Liew, 2012; Kam, 2014; Irma Wani *et al.*, 2017; 2021a; Othman *et al.*, 2021).

Pemerkasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar rasmi turut menjadi daya penarik pelajar antarabangsa dalam pemilihan destinasi pengajian. Maklum balas dari beberapa orang informan seperti Pelajar Antarabangsa 33 mengesahkan kecenderungan untuk belajar ke luar negara adalah merujuk kepada kelompongan pemakaian Bahasa Inggeris yang tidak dilaksanakan dalam sistem pendidikan tinggi negara asalnya. Pelajar berkenaan merasakan penggunaan bahasa ibunda sebagai medium pembelajaran untuk mendapatkan ijazah tidak menjanjikan kelebihan seperti mana Bahasa Inggeris apabila tamat pengajian dan mencari peluang pekerjaan yang lebih menjamin masa depan (Martirosyan, Hwang dan Wanjohi, 2015; Hu, 2016; Hasbullah *et al.*, 2017; Herlina *et al.*, 2017; Irma Wani *et al.*, 2020b; 2021a).

*“Sebenarnya program pengajian yang saya ikuti di sini ditawarkan juga di negara asal saya. Yang membezakan adalah kursus-kursus yang ditawarkan adalah lebih “advance” di mana kandungan silibus pula lebih mementingkan kehendak pasaran semasa. Medium bahasa yang digunakan dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran di sini adalah sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris. Faktor tersebut sebenarnya memberi kelebihan kepada diri saya kerana dapat mempelajari ilmu dalam bahasa universal. Ini juga diharap dapat membantu saya memperoleh pekerjaan dari majikan bertaraf antarabangsa. Pengalaman selama saya belajar di sini sangat positif. Saya rasa pengalaman yang baik juga telah menyumbang kepada pencapaian prestasi yang baik dalam peperiksaan. Tidak dinafikan ada isu pensyarah yang masih menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sewaktu melaksanakan kuliah. Tetapi perkara tersebut boleh diatasi sekiranya pelajar antarabangsa membuat*

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
*laporan secara rasmi kepada pihak fakulti yang terbabit". (Pelajar  
Antarabangsa 33)*

Mengambil pandangan berhubung kecenderungan Pelajar Antarabangsa 33 berhubung isu Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar rasmi wajar diambil perhatian oleh pihak pengurusan universiti. Hasil kajian ini sejajar dengan kajian Irma Wani *et al.*, (2020b; 2021a), di mana pemerkasaan medium pengantar PdP Bahasa Inggeris dilihat dapat mempercepatkan proses pengantarabangsaan di sesebuah universiti serta menjanjikan peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa untuk datang melanjutkan pengajian ke Malaysia.

Rentetan dari itu, pensyarah disarankan agar patuh terhadap tanggungjawab memberi kuliah dalam Bahasa Inggeris seperti yang dimaktubkan dalam peraturan universiti terutama yang melibatkan pelajar antarabangsa. Komitmen padu pensyarah untuk akur dilihat mampu memberi kebaikan, bukan hanya kepada peningkatan pemahaman para pelajar antarabangsa terhadap pembelajaran mereka. Pendekatan tersebut turut dilihat berupaya membantu pelajar tempatan memperbaiki penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Menurut Colvin, Fozdar dan Volet, (2012) dan Zhang dan Mi (2014) kaedah penyampaian berkesan oleh tenaga pengajar menyumbang kepada pemahaman lebih baik dalam kalangan pelajar universiti dan mampu menggalakkan penyertaan proaktif dalam bilik kuliah. Malahan ia memberi impak lebih positif kepada pelajar antarabangsa yang selama ini sentiasa merasa dipinggirkan.

Walau bagaimana pun, majoriti dari informan kajian tetap menyatakan sistem pendidikan di Malaysia adalah jauh lebih baik dari negara asal mereka. Pelajar Antarabangsa 22 mengutarakan pandangan ikhlas beliau dengan menghargai universiti awam Malaysia kerana berjaya untuk mengekalkan kelestarian persekitaran yang kondusif bagi pembelajaran. Elemen tersebut menjadi pemangkin kedatangan lebih ramai pelajar antarabangsa ke sini. Selain dari reputasi universiti awam Malaysia yang dikatakan berada dalam liga setaraf universiti antarabangsa, inisiatif berterusan pihak universiti bagi menjamin kesejahteraan dan kebijakan pelajar antarabangsa turut mendapat pujian. Pengiktirafan pelajar tersebut dapat dilihat dari pernyataan seperti di bawah:

*"Isu staf akademik yang tidak berkelayakan tidak relevan untuk dikaitkan dengan tenaga pensyarah di universiti awam Malaysia. Saya dapat majoriti dari pensyarah di sini mempunyai latar belakang lulus pengajian dari luar negara. Kebanyakan pensyarah mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam bidang kepakaran masing-masing. Ini memberi implikasi yang sangat besar ke atas kualiti ilmu yang disampaikan kepada pelajar. Terdapat juga bilangan kakitangan antarabangsa yang dilantik sebagai akademik ekspatriat di universiti ini. Diversiti pendidik dan pelajar dari pelbagai latar belakang dan negara telah menyumbang kepada prestij yang di bawa oleh sesebuah universiti. Saya rasa itulah antara kelebihan saya belajar di sini". (Pelajar Antarabangsa 22)*

Bersandarkan kepada pernyataan yang dikeluarkan oleh Pelajar Antarabangsa 22 membuktikan kesahan sistem pendidikan yang sistematik dan efektif menjadi kayu pengukur kepada pertimbangan wajar golongan pelajar antarabangsa semasa melakukan keputusan memilih destinasi negara pengajian. Kemudahan sistem infrastruktur dari konteks

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
persekitaran fizikal dan psikososial menjadi dua elemen utama yang dititikberatkan bukan sahaja oleh pelajar, malahan bagi mendapatkan konsensus dari keluarga (Herlina *et al.*, 2018; Irma Wani *et al.*, 2018a; Irma Wani, Herlina dan Norazah, 2019b; Othman *et al.*, 2021).

### ***Fleksibiliti dan Dinamika Program Pengajian Universiti Awam Malaysia***

Hasil daptan kajian oleh Irma Wani, Herlina dan Norazah, (2019b) meletakkan peri penting kewujudan kepelbagaian program pengajian akademik sesebuah universiti dalam menarik lebih ramai pelajar antarabangsa. Dalam konteks tersebut, dinamika dan relevansi kandungan silibus serta fleksibiliti pengunjuran program akademik adalah menjadi percaturan yang ditunggu oleh pelajar antarabangsa semasa sebelum melakukan keputusan muktamad ke atas pemilihan universiti luar negara.

**Jadual 6: Asimilasi Diri Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Fleksibiliti dan Dinamika Program Pengajian Universiti Awam Malaysia**

Universiti 1	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar 1	Pelajar 13	Pelajar 18	Pelajar 27
Pelajar 3	Pelajar 14	Pelajar 19	Pelajar 29
Pelajar 4	Pelajar 15	Pelajar 20	Pelajar 32
Pelajar 5	Pelajar 16	Pelajar 22	Pelajar 34
Pelajar 6		Pelajar 23	Pelajar 36
Pelajar 7			Pelajar 37
Pelajar 9			Pelajar 38
Pelajar 10			

Sementalah itu, Jadual 6 di atas memperlihatkan seramai 24 daripada 40 orang pelajar antarabangsa secara sebulat suara bersetuju bahawa silibus kursus universiti awam Malaysia bersifat dinamik dan setara dengan universiti bertaraf antarabangsa. Perkara tersebut dibuktikan melalui pandangan dari Pelajar Antarabangsa 7, 20 dan 29 di bawah:

*“Antara perkara yang kami layari di internet ketika masih lagi dalam proses membuat keputusan destinasi pengajian adalah silibus kursus-kursus yang ditawarkan. Apa yang dapat kami rumuskan adalah universiti ini mempunyai silibus yang bukan sahaja terperinci tetapi relevan dan bertepatan dengan kehendak majikan. Saya ada mengikuti program minggu kerjaya di bawah anjuran Hal Ehwal Pelajar. Ketika mendengar taklimat daripada perwakilan industri, didapati spesifikasi yang dimahukan oleh majikan sangat menghampiri apa yang terkandung dalam silibus kursus-kursus yang ditawarkan. Saya berasa sangat teruja dan merasakan inilah pilihan tepat yang saya lakukan dengan membuat keputusan untuk belajar di sini.” (Pelajar Antarabangsa 7)*

*“Seperti mana yang kita tahu, hari pertama kuliah merupakan hari di mana pensyarah diwajibkan untuk menerangkan tentang silibus kursus yang kita ikuti sepanjang semester. Pada pandangan saya itu adalah amalan yang sangat baik kerana pelajar akan terpandu dari awal perkuliahan. Saya dapati kebanyakannya dari silibus yang dibentuk akan memberi penumpuan terhadap hasil pembelajaran yang ada kaitan dengan prospek pekerjaan. Itu bahagian yang paling saya tunggu-tunggu. Ini kerana saya suka mengaitkan pelajaran yang*

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

*saya terima dengan prospek kerjaya masa hadapan. Silibus sangat penting bagi kami, untuk dijadikan tentatif pembelajaran setiap minggu. Pelajar seperti saya sangat mementingkan bimbingan sistem pembelajaran supaya boleh mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.” (Pelajar Antarabangsa 20)*

*“Komponen penilaian bagi kursus yang kami ambil mempunyai pendekatan yang bercampur-campur. Tapi secara asasnya penilaian kursus dibahagikan kepada tugas individu, tugas berkumpulan, peperiksaan pertengahan dan akhir, ujian dan kuiz. Pada awalnya saya agak ‘overwhelm’ kerana setiap satu penilaian memerlukan cara yang berbeza. Namun bantuan pensyarah yang mengendalikan kursus tersebut banyak membantu saya memahami sistem penilaian kursus. Setelah berpengalaman menduduki peperiksaan dan membuat tugas pada semester lepas, saya rasa sistem ini lebih memberi kebaikan kepada pelajar. Sifat kursus yang fleksibel sebenarnya membantu pelajar mendapat keputusan yang lebih baik.” (Pelajar Antarabangsa 29)*

Bertitik tolak dari hal ini, pelajar antarabangsa lain turut menyokong bahawa silibus kursus tersebut tambah diper mudahkan dengan penerangan secara komprehensif oleh pensyarah terpandu dengan tentatif pengajaran setiap kursus. Lebih penting lagi, kandungan silibus yang dibuat secara komprehensif mendatangkan impak positif ke atas pemahaman kursus yang diajar (Abd Hair, Zaimah dan Izzurazlia, 2012; Harvey, 2012; Liew, 2012; Ford, Joseph dan Joseph, 2014; Kam, 2014; Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, 2019a; Irma Wani *et al.*, 2020b).

**Pembangunan Kursus dan Penawaran Program Pengajian Bersifat Kontemporari dan Market Driven**

Reputasi universiti awam Malaysia terkategori dari tiga penjenisan iaitu universiti berstatus komprehensif, penyelidikan dan berfokus (KPTM, 2020) memperlihatkan usaha berterusan pihak universiti dalam membangunkan kursus-kursus pengajian agar lebih bersifat komprehensif dan sentiasa menepati pasaran pekerjaan semasa (Abd Hair, Zaimah dan Izzurazlia, 2012; Boado, Hu dan Soysal, 2017; Irma Wani *et al.*, 2019a; 2019b; 2020b).

**Jadual 7: Asimilasi Diri Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Pembangunan Kursus dan Penawaran Program Pengajian Bersifat Kontemporari dan Market Driven**

Universiti 1	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar 1	Pelajar 11	Pelajar 19	Pelajar 27
Pelajar 2	Pelajar 12	Pelajar 21	Pelajar 28
Pelajar 3	Pelajar 15	Pelajar 22	Pelajar 30
Pelajar 5	Pelajar 17	Pelajar 24	Pelajar 31
Pelajar 6			Pelajar 33
Pelajar 7			Pelajar 36
Pelajar 8			Pelajar 39

Dari Jadual 7 menunjukkan 22 daripada 40 pelajar antarabangsa yang turut serta dalam kajian ini, bersepakat mengatakan diversiti penawaran program pengajian universiti awam Malaysia adalah antara yang terbaik di rantau Asia Tenggara. Ini terhasil dari kelebihan pengkategorian

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** terhadap sistem universiti berdasarkan pengkhususan dan hala tuju penubuhan sesebuah universiti. Dari perspektif tersebut, peluang terbaik diberikan kepada golongan pelajar antarabangsa yang berminat untuk mengikuti pengajian di negara ini, di mana pelajar boleh mengikuti mana-mana program pengajian yang menepati minat mereka serta mempunyai prospek pekerjaan yang lebih cerah (Maringe, 2006; Noel, Levitz dan Saluri, 2012; Nilsson dan Ripmeester, 2016; Hamad dan Suzanne, 2016; Herlina *et al.*, 2017; Irma Wani *et al.*, 2018b; 2020b).

Melalui pandangan dan pemahaman Pelajar Antarabangsa 7, 12 dan 31 merujuk kepada penawaran program universiti awam Malaysia berorientasi prospek kerjaya seperti yang dijelaskan di bawah:

*“Sebelum datang ke sini dahulu saya sebenarnya lebih teruja untuk mengetahui program yang saya peroleh berbanding dari universiti yang menawarkan tempat pengajian kepada saya. Secara peribadi saya rasa program pengajian adalah lebih vital kerana di situ lah kareer kita bermula. Jika dapat tawaran tetapi pada program yang tidak pelajar mahukan pun akan menimbulkan pelbagai masalah. Anda tentu tidak mahu terikat atau terjebak dengan profesi yang tidak anda minati. Saya bersyukur apabila saya dapat belajar perkara yang saya minat dan tempat pengajian saya pula merupakan universiti yang mempunyai imej dalam menghasilkan graduan yang berkebolehpasaran.”*

(Pelajar Antarabangsa 7)

Menerusi pernyataan tersebut telah memberi indikasi bahawa sebilangan besar program yang ditawarkan oleh universiti awam Malaysia mempunyai *niche* tersendiri dan dipandang unik oleh masyarakat luar. Selain dari bersifat kompetitif, aspek struktur dan kandungan program pengajian turut menepati kehendak industri pekerjaan. Perkara tersebut disokong oleh hasil kajian Herlina *et al.*, (2018) yang mengaitkan reputasi, imej dan diversiti program pengajian sebagai pemangkin utama dalam mempengaruhi pemilihan universiti luar negara.

*“Saya memilih untuk belajar di negara ini kerana saya dapati pembangunan program pengajian universiti sentiasa diperbaharui. Saban tahun mesti ada mana-mana universiti yang menawarkan program pengajian yang menepati pasaran semasa. Saya rasa apabila sesebuah universiti sentiasa mengemas kini program pengajian mereka ini memperlihatkan kepekaan mereka untuk berada dalam liga saingan universiti bertaraf antarabangsa.”* (Pelajar Antarabangsa 12)

Penjelasan Pelajar Antarabangsa 7 dan 12 mendokong hasil kajian Liew (2012), Nilsson dan Ripmeester, (2016) dan Hamad dan Suzanne, (2016) di mana universiti wajar menawarkan program akademik yang diacu kepada prospek kebolehpasaran graduan (Maringe, 2006; Azizah, Hamidah dan Roziana Shaari, 2011; Noel, Levitz dan Saluri, 2012; Nilsson dan Ripmeester, 2016; Hamad dan Suzanne, 2016; Irma Wani *et al.*, 2018b; 2019a; 2019b; 2020b).

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
**Manfaat Nilai Tambah Penggunaan Bahasa Inggeris Sebagai Medium Pembelajaran & Pengajaran di Universiti Awam Malaysia**

Majoriti universiti di dunia ini memperkasa Bahasa Inggeris sebagai bahasa universal bagi kaedah PdP untuk meraih pengiktirafan sebagai sistem pendidikan tinggi yang relevan, kompetitif berprestij dan bertaraf antarabangsa (Ragayah dan Liew, 2009; Shanka, Quintal dan Taylor, 2012; Becker dan Kolster, 2012; Bourke, 2012; Arokiasamy, 2012; Low, 2014; Madge, Raghuram dan Noxolo, 2015; Hasbullah *et al.*, 2017; Herlina *et al.*, 2017; Irma Wani *et al.*, 2017; 2018b; 2020b; 2021a). Seramai 36 daripada 40 orang pelajar antarabangsa dalam kajian ini sebulat suara menunduk arah ke atas nilai tambah penguasaan Bahasa Inggeris sebagai keperluan mendesak bagi prospek kerjaya yang lebih cemerlang dan terjamin, seperti yang tertera dalam Jadual 8.

**Jadual 8: Asimilasi Diri Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Manfaat Nilai Tambah Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai Medium Pembelajaran dan Pengajaran di Universiti Awam Malaysia**

Universiti 1	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar 1	Pelajar 11	Pelajar 18	Pelajar 26
Pelajar 2	Pelajar 12	Pelajar 20	Pelajar 27
Pelajar 3	Pelajar 13	Pelajar 21	Pelajar 28
Pelajar 4	Pelajar 14	Pelajar 22	Pelajar 29
Pelajar 5	Pelajar 15	Pelajar 23	Pelajar 30
Pelajar 7	Pelajar 17	Pelajar 24	Pelajar 31
Pelajar 8		Pelajar 25	Pelajar 32
Pelajar 10			Pelajar 33
			Pelajar 34
			Pelajar 35
			Pelajar 36
			Pelajar 37
			Pelajar 38
			Pelajar 39
			Pelajar 40

Kesepakatan Pelajar Antarabangsa 4, 15 dan 25 dilihat apabila mereka bersepakat bahawa penguasaan Bahasa Inggeris merupakan suatu bentuk komunikasi yang tidak hanya boleh dipelajari secara teori tetapi perlu dilakukan dengan pendedahan aktiviti-aktiviti seperti debat, ‘public speaking’, ‘mooting’, ‘mock court’ dan pembentangan tugas berkumpulan. Dalam konteks tersebut pengalaman menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium bahasa bagi proses pembelajaran berkesan mampu memberikan keyakinan diri berkomunikasi di khalayak umum. Ini dapat dilihat melalui pernyataan di bawah:

*“Memang pada awalnya saya merasa sedikit janggal kerana terpaksa bercakap dalam Bahasa Inggeris hampir setiap masa. Apabila saya ditempatkan di asrama kediaman bersama-sama pelajar tempatan maka saya terpaksa berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Ini kerana tiada sesiapa pun di sini yang mengetahui bahasa ibunda negara saya. Walaupun perbendaharaan kata saya sangat terhad dan tidaklah sebaik mana pun tetapi pendedahan setiap hari telah menjadikan saya mahir bercakap Bahasa Inggeris dan ini kelebihan belajar di*

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
*luar negara berbanding di tempat sendiri. Saya yakin apabila saya tamat pengajian di sini saya mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.”* (Pelajar Antarabangsa 4)

*“Universiti di sini mewajibkan setiap pelajar antarabangsa mengikuti kelas Bahasa Inggeris. Kami menduduki peperiksaan saringan untuk menempatkan pelajar pada tahap-tahap tertentu. Saya rasa sistem tersebut agak menarik kerana pelajar yang baik penguasaan akan bersama dengan rakan-rakan yang setara penguasaan bahasa mereka. Bagi pelajar lemah maka guru-guru Bahasa Inggeris akan memberikan tumpuan lebih pada mereka.”* (Pelajar Antarabangsa 15)

*“Ya, memang tidak dapat dinafikan penyertaan aktif saya dalam aktiviti perbahasan dan ‘mooting’ banyak meningkatkan keyakinan saya dalam berbahasa Inggeris. Awalnya, saya didedahkan dengan mencari bahan-bahan bacaan untuk berbahas. Kemudian peluang diberikan kepada saya berlatih berdebat dalam Bahasa Inggeris dengan bimbingan guru-guru. Itu peluang yang sangat berharga bagi diri saya dan lama-kelamaan saya lebih merasa yakin dengan keterampilan saya.”* (Pelajar Antarabangsa 25)

Manakala pendekatan yang di ambil oleh Pelajar Antarabangsa 40 secara peribadi telah memberikan kelebihan kepada diri sendiri. Inisiatif proaktif yang dilakukan oleh pelajar itu termasuklah sentiasa memperbaiki penguasaan Bahasa Inggeris dengan meminta bantuan rakan-rakan yang lebih fasih, menanam tabiat membaca buku Bahasa Inggeris, melayari internet seperti *Youtube* jika menghadapi kesukaran berkomunikasi. Ini dibuktikan dari pernyataan Pelajar Antarabangsa 40 yang mengaitkan inisiatif beliau menyertai Persatuan Bahasa Inggeris sebagai satu alternatif meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris:

*“Persatuan Bahasa Inggeris yang saya sertai dari awal tahun merupakan platform yang sangat berkesan dalam membantu saya menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih cepat. Banyak aktiviti dijalankan setiap minggu yang boleh meningkatkan kemahiran berbahasa. Contohnya kami disuruh membaca sebuah buku dan membuat ulasan berhubung buku tersebut. Pada perjumpaan seterusnya kami disuruh untuk berkongsi apa yang kami baca dan fahami. Secara tidak langsung saya teruja dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan bacaan buku setiap minggu. Saya juga membina keyakinan apabila membuat ulasan tentang bacaan saya itu di hadapan rakan-rakan lain.”* (Pelajar Antarabangsa 40).

Hasil kajian mendapati kemahiran Bahasa Inggeris sama ada dari aspek pertuturan dan penulisan merupakan elemen vital dalam pengajian ke luar negara (Zhang dan Mi, 2014; Gilakjani, 2015; Martirosyan, Hwang dan Wanjohi, 2015; Hasbullah *et al.*, 2017; Herlina *et al.*, 2017; Irma Wani *et al.*, 2020b; 2021a). Secara konsensus, informan kajian ini bersetuju bahawa perlaksanaan, penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris yang diiktiraf sebagai bahasa universal merupakan faktor utama dalam mempengaruhi keputusan pelajar belajar di luar negara luar negara (Abd Hair, Zaimah dan Izzurazlia, 2012; Dora *et al.*, 2014; Lewis,

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions 2016; Herlina *et al.*, 2017; Hasbullah *et al.*, 2017; MacEachern dan Yun, 2017; Irma Wani, Herlina dan Norazah, 2019b; Irma Wani *et al.*, 2020b; 2021a).

### Rumusan dan Cadangan

Kajian ini menumpukan perbincangan berhubung proses asimilasi diri pengalaman tahun pertama dalam kalangan pelajar antarabangsa. Dalam konteks tersebut, pencapaian akademik dijadikan sandaran ke atas implikasi positif adaptasi diri pelajar antarabangsa semasa mengikuti pengajian di negara tuan rumah.

Majoriti pelajar antarabangsa yang terlibat dalam kajian ini memberi respon positif berhubung sistem universiti awam negara ini yang dikatakan bersifat efektif dan sistematik. Sumbangan penemuan baru kajian ini mendapati pelajar menghargai pendekatan sistem pengajaran dan pembelajaran universiti awam Malaysia yang menekankan kewajaran bagi keseimbangan teori dan praktikal dan ini dirasakan berbeza daripada sistem pendidikan di negara asal mereka. Implikasi dari kajian ini memperlihatkan keseimbangan teori dan praktikal tersebut dalam membentuk secara positif perkembangan akademik pelajar antarabangsa. Kelangsungan itu sudah semestinya memberi impak prospek kerjaya yang lebih terjamin apabila pelajar antarabangsa mencapai prestasi akademik dengan lebih baik.

Sumbangan hasil kajian turut membawa perhatian kepada kualiti tinggi pengajaran, reka bentuk kurikulum bersesuaian dan bersifat kontemporari, direktori ahli akademik berwibawa, mempunyai kepakaran yang pengalaman yang luas dikatakan meningkatkan tahap kepuasan pelajar antarabangsa. Hanya terdapat segelintir pelajar antarabangsa yang menyuarakan ketidakpuasan hati berhubung komitmen pensyarah yang enggan akur dalam melaksanakan PdP sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris, terutama paling terkesan bagi kursus yang diikuti oleh pelajar antarabangsa.

Dapatkan kajian turut menjustifikasikan kepentingan pelarasan PdP menggunakan medium bahasa universal dengan mencadangkan pihak universiti bertanggungjawab memperkasa Bahasa Inggeris demi merealisasikan dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara. Sumbangan hasil kajian turut membuktikan penguasaan Bahasa Inggeris mempengaruhi asimilasi diri tahun pertama pelajar antarabangsa. Kemahiran Bahasa Inggeris dianggap elemen kritikal dalam usaha mencapai kecemerlangan akademik. Penekanan berhubung pemilihan negara destinasi oleh majoriti pelajar antarabangsa memberi indikasi bahawa pemerkasaan Bahasa Inggeris sebagai medium perantara mempunyai kesalinghubungan dengan peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa ke universiti awam Malaysia.

Sumbangan kajian ini memperlihatkan multi-dimensi pandangan pelajar antarabangsa berhubung dinamika silibus kursus pengajian sebagai kelebihan memudahkan pemahaman mereka. Pengalaman tahun pertama pengajian di luar negara tidak menjelaskan keterujaan pelajar antarabangsa apabila pensyarah bersikap mesra dan giat membantu proses pembelajaran mereka. Kredibiliti ahli akademik berpengalaman luas, kualiti PdP yang baik, serta kurikulum silibus yang relevan meningkatkan tahap kepuasan pelajar. Pengalaman tahun pertama yang bermakna mengunjurkan impak positif ke atas pencapaian prestasi akademik dan disantuni dengan kemandirian yang membanggakan pelajar antarabangsa sepanjang berada di negara ini.

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Penghargaan**

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana geran penyelidikan *Transformative Elements and Self-Acculturation from the Freshman Year Experience at Malaysian Public Universities & the Implication on Academic Achievement International Students* dan Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

**Bibliografi**

- Abd Hair Awang, Zaimah Ramli & Izzurazlia Ibrahim. (2012). Graduate International Student Attraction Factors to Research University in Malaysia. *GEOGRAFIA – Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (6): 32-41.
- Ahmad, S. Z., & Buchanan, F. R. (2017). Motivation Factors in Students Decision to Study at International Branch Campuses in Malaysia. *Studies in Higher Education*, 42 (4): 651-668.
- Arkoudis, S., & Baik, C. (2014). Crossing the Interaction Divide between International and Domestic Students in Higher Education. *Review of Higher Education (HERDSA)*, 1:47-62.
- Azizah Rajab, Hamidah Abd Rahman & Roziana Shaari. (2011). The International Students' Perception Towards the Education Quality. *International Journal of Social Science and Humanity Studies*, 3 (2): 49-58.
- Babbie, E. (2017). The Basics of Social Research (7th Ed.). Boston, MA: Cengage Learning.
- Boado, H. C. B., Hu, Y., & Soysal, N. Y. (2017). Why Study Abroad? Sorting of Chinese Student Across British Universities. *British Journal of Sociology of Education*, 39 (3): 365–380.
- Candela, A. G. (2019). *Teachers' Perspectives Using the Instructional Quality Assessment as a Professional Development Tool*. In Handbook of Research on Educator Preparation and Professional Learning (pp. 41-58). IGI Global.
- Cao, C., & Meng, Q. (2012). Mapping the Paths from Language Proficiency to Adaptation for Chinese Students in a Non-English Speaker Country: An Integrative Model of Mediation. *Current Psychology*: 1-12.
- Chelliah, S., Khan, M.J., Krishnan, T., Kamarulzaman, M.E.B.M., & Goh, N.E. (2019). Factors Influencing Satisfaction and Revisit Intention Among International Exchange Students in Malaysia. *Journal of International Education in Business*.
- Chen, Y., Li, R., & Hagedorn, L. S. (2019). Undergraduate International Student Enrollment Forecasting Model: An Application of Time Series Analysis. *Journal of International Students*, 9(1): 242-261.
- Chen, J.M. (2017). "Three Levels of Push-Pull Dynamics Among Chinese International Students' Decision to Study Abroad in the Canadian Context". *Journal of International Students*, 7 (1): 113-135.
- Creswell, J.W. (2013). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Dora, M.T.H., Ibrahim, N.R.D.W., Ramachandran, S.D., Kasim, A., & Saad, M.S.M. (2014). Study on Factors That Influence Choice of Malaysian Institution of Higher Learning for International Graduate Students. *Journal of Human Capital Development*, 2 (1): 105-113.
- Emehinola, T. T. (2020). *Patterns and Problems of International Students' self-Adjustment: Case Study of International Students at Universitas Pendidikan Indonesia*. Doctoral Dissertation, Universitas Pendidikan Indonesia.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Eriksson, P., & Kovalainen, A. (2016). *Qualitative Methods in Business Research*. 2nd ed. London, Thousand Oaks, New Delhi and Singapore: Sage.
- Falcone, S. (2017). International Students' Recruitment: Trends and challenges. *Journal of International Students*, 7 (2): 246–256.
- Flick, U. (2014). An Introduction to Qualitative Research (5th Ed.). *SAGE, London*.
- Freeman, K., & Li, M. (2019). "We are a ghost in the class": First Year International Students' Experiences in the Global Contact Zone. *Journal of International Students*, 9(1): 19-38.
- Gabel, R.S, Dolen, S. L., & Cerdin, J.L. (2013). Emotional Intelligence as Predictor of Cultural Adjustment for Success in Global Assignment. *Career Development International*. 10 (5): 375- 395.
- Gilakjani. (2015). *The Significance of Pronunciation in English Language Teaching*. English Language Teaching, 5 (1): 96.
- Glass, C. R., & Westmont, C. M. (2014). Comparative Effects of Belongingness on the Academic Success and Cross-Cultural Interactions of Domestic and International Students. *International Journal of Intercultural Relations*, 38: 106-119.
- Gresham, R. (2013). Interaction between International Students and Local Communities. *Journal of the Australia and New Zealand student services Association*, 21: 20-34.
- Hamad Alghamdi & Suzanne Otte. (2016). The Challenges and Benefits of Study Abroad. *International Journal of Humanities and Social Science*, 6 (5).
- Han, X., Gebbie, M., A., & Appelbaum, R. (2015). *Will They Stay or Will They Go? International Graduate Students and Their Decisions to Stay or Leave the U.S. upon Graduation*. Plos One, 10 (3): 1-18.
- Harvey, L. (2012). *Quality Assessments in Higher Education*: Collected paper of the QHE Project, Birmingham QHE.
- Hasbullah, A., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., Herlina, J., dan Rudy Adie, R. (2017). Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017):77-85.
- Herlina, J., Irma Wani. O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., & Hasbullah, A. (2018). International Student Destination Choice: Institutional Influence. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):139-147.
- Herlina, J., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., & Rudy Adie, R. (2017). Factors Influencing International Student's Decision in Choosing Study Destination Abroad. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017): 86-97.
- Irma Wani Othman, Mohd Kamal Mohd Shah, Muhammad Safuan Yusoff & Anna Lynn Abu Bakar. (2021a). Career Verdure and Wellness Signification Among Academic Expatriate Members of Malaysian Private University. *Linguistica Antverpiensia*, 2021 (1): 420-437.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Mohd Kamal Mohd Shah, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa & Halina Sandera Mohd Yakin. (2021b). The Health Enhancement Impact of Self Assimilation in Academic Achievement Amongst International Students in Malaysian Public Universities. *Sys Rev Pharm*. 12(3): 540-551.
- Irma Wani Othman. (2021c). Konfigurasi Mobiliti Pelajar Antarabangsa. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020a). The Influence of Culture and Family Towards the Decision to Pursue Study Abroad: A Case Study of Malaysian Public Universities. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/ Egyptology*, 17(6):10688-10714.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Siti Aidah Lukin @ Lokin, Romzi Ationg, Abang Mohd Razif Abang Muis, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020b). Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*. 5 (21): 138-159.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Syamsul Azizul Marinsah, Saifulazry Mokhtar, Habibah Artini @ Ramlie, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020c). Strategi Akulturasi dan Hasil Pembudayaan Berbeza dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*. 5 (21): 123-142.
- Irma Wani Othman, Hasbullah Awang & Norazah Mohd Suki. (2019a). First Year International Students' Experience in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2): 23-38.
- Irma Wani Othman, Herlina Jupiter & Norazah Mohd Suki. (2019b). Factors Affecting the Tendency of International Students to Pursue Study in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2): 185-200.
- Irma Wani Othman. (2019c). Diaspora Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).
- Irma Wani, O., Herlina, J., Abu Bakar, A. H., Muhammad Safuan, Y., & Hasbullah, A. (2018a). Social Factors Influencing International Student's Decision In Choosing Universiti Malaysia Sabah As A Study Destination. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3(8): 87-97.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Herlina, J., & Hasbullah, A. (2018b). Benefiting the Experience of International Students: Principles and Policies of Internationalization of Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3(9): 68-79.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Hasbullah, A., & Herlina, J. (2018c). Implications of International Students Expatriation on the Improvement Life Quality on the Host Country. *International Journal of Law, Government and Communication*. 3(7): 40-52.
- Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A., & Herlina, J. (2017). Internationalization of Higher Education: Practices and Challenges. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017): 98-108.
- James-MacEachern, M., & Yun, D. (2017). "Exploring Factors Influencing International Students' Decision to Choose a Higher Education Institution: A Comparison between Chinese and Other Students". *International Journal of Educational Management*, 31 (3): 343-363.
- Kam Soon Leng. (2014). *International Student Perceptions of Experience Learning in Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Karakaya-Özyer, K., & Yıldız, Z. (2020). Country-of-Origin and International Students' Motivation in Turkey: A Correspondence Analysis. *Journal of Theoretical Educational Science/Kuramsal Eğitimbilim Dergisi*, 13(1).

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Malaysia Education Development Plan 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Khanal, J., & Gaulee, U. (2019). Challenges of International Students from Predeparture to Post-Study: A Literature Review. *Journal of International Students*, 9(2): 560-581.
- Kim, Y.Y. (2015). *Communication and Cross-cultural Adaption: An Integrative Theory*. The University of Michigan.
- Kuo, Y. H. (2011). Language Challenges Faced by International Graduate Students in the United States. *Journal of International Students*, 1(2): 38-42.
- Krishna Bista. (2016). International Students' Social Network: Network Mapping to Friendship Formation and Student Engagement on Campus. *Journal of International Students*, 6 (1), ISSN: 2162-3104 Print/ ISSN: 2166-3750.
- Lee, S.W. (2016). "Circulating East to East: Understanding the Push-Pull Factors of Chinese Students Studying in Korea", *Journal of studies in international education*, 21 (2): 170-190.
- Lee, J., & Ciftci, A. (2014). Asian International Students' Sociocultural Adaptation: Influence of Multicultural Personality, Assertiveness, Academic Self-Efficacy, and Social Support. *International Journal of Intercultural Relations*, 38: 97-105.
- Lewis, W. (2016). Study Abroad Influencing Factors: An Investigation of Socio-Economic Status, Social, Cultural, and Personal Factors. *The Undergraduate Research Journal at the University of Northern Colorado*, 5 (3).
- Li, J., Xie, P., Ai, B., & Li, L. (2020). Multilingual Communication Experiences of International Students During The COVID-19 Pandemic. *Multilingual*, 39(5): 529-539.
- Li, S., & Zizzi, S. (2018). A Case Study of International Students' Social Adjustment, Friendship Development, and Physical Activity. *Journal of International Students*, 8 (1): 389-408.
- Liew Chei Siang. (2012). Analisis Kepuasan terhadap Program Pengajian dalam kalangan Pelajar Antarabangsa di Malaysia. *Prosiding PERKEM VII*, 2: 1019-1031.
- Madge, C., P. Raghuram, & P. Noxolo. (2015). Conceptualizing International Education from International Student to International Study. *Progress in Human Geography*, 39 (6): 681-701.
- Maringe, F. (2006). University and Course Choice: Implications for Positioning, Recruitment and Marketing. *International Journal of Educational Management*, 20 (6): 466-479.
- Martirosyan, N. M., Hwang, E., & Wanjohi, R. (2015). Impact of English proficiency on academic performance of international students. *Journal of International Students*, 5 (1): 60-71.
- Mazzarol, T., & Soutar, G.N. (2002). Push-Pull Factors Influencing International Student Destination Choice. *International Journal of Educational Management*, 16 (2): 82-90.
- McInnis, C., James, R., & Hartley, R. (2012). Trends in the First Year Experience in Australian Universities: *Evaluations and Investigations Programme*. Higher Education Division. Melbourne: Centre for Study of Higher Education, Department of Education, Training and Youth Affairs.
- Ministry of Higher Education. (2019). *International Student Admission Statistics at Public Universities of Malaysia from 2007-2019*. [Https://Www.Mohe.Gov.My/Muat-Turun/Awam/Statistik](https://Www.Mohe.Gov.My/Muat-Turun/Awam/Statistik). Accessed 15 Oktober 2020.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Newsome, L.K., & Cooper, P. (2016). International Students' Cultural and Social Experiences in A British University: "Such a hard life [it] is here". *Journal of International Students*, 6 (1): 195-215.
- Nghia, T. L. H. (2019). Motivations for Studying Abroad and Immigration Intentions. *Journal of International Students*, 9(3): 758-776.
- Nilsson, P. A., & Ripmeester, N. (2016). International Student Expectations: Career, Opportunities and Employability. *Journal of International Students*, 6 (2): 614.
- Noel, L., Levitz, R., & Saluri, D. (Eds.). (2012). Increasing Student Retention: *Effective Programs and Practices for Reducing the Dropout Rate*. San Francisco: Jossey- Bass.
- Thomas, F., & Sumathi, G. N. (2016). Acculturative Stress and Social Support Among the International Students: An Empirical Approach. *Global Management Review*, 10 (3): 61-72.
- Thomas, G. (2011). How to do Your Case Study. London: *Sage Publication Ltd*.
- Tran, L. T. (2020). Teaching and Engaging International Students: People-to-People Connections and People-to-People Empathy. *Journal of International Students*, 10(3), xii-xii.
- Trujillo, J. P. C., Mohammed, P. J., & Saleh, S. T. (2020). Students' Motivations to Study Abroad: The Case of International Students at the University of Debrecen. *Central European Journal of Educational Research*, 2(1): 76-81.
- O'Malley, B. (2017). Study Identifies Key Challenges for Foreign Students. *University World News*.
- Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Lukin, S. A., & Hamid, J. A. (2021a). Visibiliti Integrasi Sistem Infrastruktur dan Kesalinghubungan Keberanggajawaban Universiti dalam Konteks Menjana Kelestarian Persekutaran Pembelajaran Kondusif Kampus Bertaraf Antarabangsa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23): 23-41.
- Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Hajimin, M. N. H. H., & Muis, A. M. R. A. (2021b). Signifikasi Prinsip Hidup Merujuk Keterkaitan Agama, Budaya, Amalan Kepercayaan dan Wawasan Dunia Secara Keseluruhan (*Worldview*): Motif Ekspatriasi Ahli Akademik Islam dalam Membina Kerjaya di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23): 85-103.
- Poon, J. (2019). *Postgraduate Student Satisfaction in the UK*. Property Management.
- Podymov, N.A., Sorokina, G.A., Litvinenko, N.A., Kurnykina, O.V., Fabrikov, M.S., Maleko, E.V., Novitskaya, L.Y., & Novitskaya, L.Y. (2019). Study on Cross-Cultural Interaction Competency Development of International Students: Permanent Nature of Cultural Archetype. *International Journal of Advanced Biotechnology and Research*, 10(S1): 162-171.
- Rakhshandehroo, M., & Ivanova, P. (2020). International Student Satisfaction at English-Medium Graduate Programs in Japan. *Higher Education*, 79(1): 39-54.
- Ross, B., Ta, B., & Oliaro, L. (2020). Institutional Responsibilities: Providing Placement For International Students. *Social Work Education*, 39(5): 665-680.
- Sawir, (2014). Loneliness and International Students: An Australian Study. *Journal of Studies in International Education*, 12 (1): 148-180.
- Seidman, I. (2006). Interviewing as Qualitative Research: *A Guide for Researchers in Education and the Sciences*, (3rd Ed.). Teachers College Press.
- Shapiro, S., Farrelly, R., & Tomas, Z. (2014). Fostering International Student Success in Higher Education. Alexandria, VR: *TESOL press*.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Shavelson, R. J., Zlatkin-Troitschanskaia, O., Beck, K., Schmidt, S., & Marino, J. P. (2019). Assessment of University Students' Critical Thinking: Next Generation Performance Assessment. *International Journal of Testing*, 19(4): 337-362.
- Simons, H. (2009). Case Study Research in Practice. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Singh, J. K. N., Jack, G., & Schapper, J. (2014). Factors That Contribute to Academic Success of International Students: A Literature Review. *Bulletin of Higher Education Research*, 19: 4-6.
- Smith, C. (2020). *International Students and Their Academic Experiences: Student Satisfaction, Student Success Challenges, and Promising Teaching Practices*. In Rethinking Education Across Borders (pp. 271-287). Springer, Singapore.
- Song, Y. (2019). English Language Ideologies and Students' Perception of International English-Medium-Instruction (Emi) Master's Programmes: A Chinese case study. *English Today*, 35(3): 22-28.
- Suh, H. N., Flores, L. Y., & Wang, K. T. (2019). Perceived Discrimination, Ethnic Identity, and Mental Distress Among Asian International Students in Korea. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 50(8): 991-1007.
- Universiti kebangsaan Malaysia. (2015). *UKM akan tingkatkan pengambilan pelajar siswazah berbanding pra-siswazah pada nisbah 50:50 menjelang 2015*. <http://www.ukm.my/news/arkib-berita/tahun-2010/julai-2010/ukm-akan-tingkatkan-pengambilan-pelajar-siswazah-berbanding-pra-siswazah-pada-nisbah-5050-menjelang-2015/>. Diaksess pada 15 Februari 2020
- Van Mol, C. (2019). Integrating International Students in Local (Student) Communities. A Theory-To-Practice Perspective. *Journal of Comparative and International Higher Education*, 11(Winter): 14-17.
- www.bernama.com. (2019). *International Students Spend RM46,000 a Year*. Diaksess pada 15 Disember 2020.
- www.beritartm.gov.my. (2016). *International Student Admissions Increase*. Diaksess pada 18 Disember 2020.
- Yan, K. (2017). Chinese International Students in the United States: Adjustment Problems and Coping Behaviors. *Chinese International Students' Stressors and Coping*. Singapore: Springer.
- Zhang & Mi. (2014). Another Look at the Language Difficulties of International Students. *Journal of Studies in International Education*, 14 (1): 371-388.